KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN PEMBUKTIAN KONSEP (POC) HAD LAJU NASIHAT MINIMUM DI LEBUH RAYA

KAJANG, 1 OGOS 2026 – Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), dengan kerjasama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), PLUS Malaysia Berhad dan Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE), akan melaksanakan projek **Pembuktian Konsep atau *Proof of Concept* (POC) Had Laju Nasihat Minimum** mulai 1 Ogos 2026.

Inisiatif ini memperkenalkan had laju minimum yang disarankan bagi setiap lorong untuk menggalakkan pemandu memilih dan menggunakan lorong yang bersesuaian dengan kelajuan kenderaan masing-masing. Pelaksanaannya bertujuan menangani isu memonopoli lorong (*lane hogging*), khususnya apabila kenderaan bergerak perlahan di lorong kanan sehingga mengganggu kelancaran aliran trafik, mencetuskan kesesakan dan mendorong pemandu lain melakukan pertukaran lorong atau memotong secara berbahaya. Keadaan ini boleh meningkatkan konflik antara kenderaan serta risiko kemalangan jalan raya. Sehubungan itu, inisiatif ini diharap dapat mengurangkan perbezaan kelajuan antara kenderaan, melancarkan pergerakan trafik dan meningkatkan keselamatan pengguna lebuh raya.

POC ini akan dilaksanakan di tiga (3) lokasi rintis, iaitu:

1. **Lebuhraya Utara–Selatan (PLUS) E1:** KM400.1 hingga KM388.0, arah utara, Tanjung Malim–Behrang;
2. **Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) E26:** KM9.6 hingga KM16.7, Plaza Tol Ayer Hitam–Bandar Saujana Putra; dan
3. **Lebuhraya Utara–Selatan (PLUS) E2:** KM267.8 hingga KM278.8, arah utara, Bandar Ainsdale–Nilai.

Pelaksanaan POC ini dijadualkan berlangsung selama tiga (3) bulan, bermula pada 1 Ogos 2026 hingga 31 Oktober 2026. Sepanjang tempoh tersebut, aktiviti pemantauan dan pengumpulan data akan dijalankan bagi menilai keberkesanan serta kebolehlaksanaan inisiatif berkenaan.

Had laju minimum yang dinasihatkan mengikut bilangan lorong adalah seperti berikut:

Bilangan Lorong	Lorong Kanan	Lorong Tengah 1	Lorong Tengah 2	Lorong Kiri
Dua lorong	80 km/j	–	–	60 km/j
Tiga lorong	100 km/j	80 km/j	–	60 km/j
Empat lorong	100 km/j	80 km/j	60 km/j	60 km/j

Had laju minimum yang terpakai di setiap lokasi hendaklah dirujuk pada papan tanda yang dipasang di sepanjang kawasan POC.

Had Laju Nasihat Minimum menggalakkan pemandu bergerak sekurang-kurangnya pada kelajuan minimum yang disarankan bagi setiap lorong, tertakluk pada keadaan trafik, cuaca dan keselamatan semasa. Sepanjang tempoh POC, had laju minimum tersebut merupakan panduan kepada pemandu dan bukannya suatu ketetapan mandatori atau tindakan penguatkuasaan. Pemandu tidak perlu mengekalkan had laju minimum yang dinasihatkan sekiranya keadaan jalan raya atau trafik tidak selamat atau tidak mengizinkan, termasuk ketika:

- berlaku kesesakan lalu lintas;
- hujan lebat atau cuaca buruk;
- jarak penglihatan terhad;
- berlaku kemalangan atau terdapat halangan di jalan;
- kerja penyelenggaraan atau penutupan lorong sedang dilaksanakan; atau
- menerima arahan daripada pegawai penguat kuasa atau petugas lebuh raya.

Dalam keadaan sedemikian, pemandu hendaklah menyesuaikan kelajuan mengikut keadaan semasa, meningkatkan jarak selamat antara kenderaan dan sentiasa mengutamakan keselamatan.

Semua undang-undang serta peraturan jalan raya yang sedang berkuat kuasa hendaklah terus dipatuhi, termasuk had laju maksimum yang ditetapkan. Pengguna lebuh raya juga hendaklah mematuhi had laju berdasarkan jenis atau kelas kenderaan masing-masing, khususnya bagi kenderaan berat dan kenderaan perdagangan.

POC ini dilaksanakan bagi menilai keberkesanan dan kebolehlaksanaan Had Laju Nasihat Minimum dalam menggalakkan penggunaan lorong yang lebih teratur dan selamat. Penilaian akan dibuat berdasarkan cerapan data trafik serta tahap pemahaman dan penerimaan pengguna lebuh raya terhadap inisiatif ini melalui kaji selidik.

Orang ramai diseru untuk memberikan kerjasama, mematuhi papan tanda yang dipasang serta mengamalkan penggunaan lorong yang betul dan berhemah. Maklumat lanjut mengenai POC Had Laju Nasihat Minimum boleh diperoleh melalui **www.miros.gov.my/HLNM**.

— TAMAT —

Pertanyaan Media:
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)
Unit Komunikasi Korporat dan Pengurusan Ilmu
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)
Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR
Tel: 03-8924 9200 E-mel: inquiry@miros.gov.my

LAMPIRAN 1 (INFOGRAFIK HLNM)

LAMPIRAN 2 (CONTOH PAPAN TANDA ISYARAT LALULINTAS)

- **Papan Tanda 2 lorong**

- **Papan Tanda 3 lorong**

- **Papan Tanda 4 lorong**